

E-BULETIN EKSA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

EDISI JANUARI - JUN 2024

PENYAYANG • PROFESIONALISME • KERJA BERPASUKAN



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA


01

**MESYUARAT PEMANDU
EKOSISTEM KONDUSIF
SEKTOR AWAM
(EKSA) IPKKM**



02

**LAWATAN PENANDA
ARAS AMALAN
EKOSISTEM KONDUSIF
SEKTOR AWAM (EKSA)
IPKKM KE IBU PEJABAT
AIR ASIA DI KLIA 2**



KAMI SEDIA MEMBANTU



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SIDANG PENGARANG E-BULETIN EKSA KKM

Penasihat

Datuk Zainal Alhakab Seman
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Ketua Pengarang

Yamuna Perimalu

Pegawai Penyelaras

Mona Ang

Pereka Grafik dan Susun Atur

Mohd Iswandy bin Wally

Sidang redaksi e-Buletin EKSA KKM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada barisan Pengurusan Tertinggi KKM dan semua bahagian di KKM yang menjayakan penerbitan e-Buletin EKSA Edisi Januari-Jun 2024.

Bagi sebarang makluman dan pertanyaan, sila hubungi:

Sidang Redaksi e-Buletin EKSA KKM
Unit Komunikasi Korporat
Aras 4, Blok E7
Kementerian Kesihatan Malaysia, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya Malaysia.

Tel : 03-8883 3481 / 3675
Faks : 03-8888 6187
E-mel : mona.ang@moh.gov.my





<https://www.facebook.com/kementeriankesihatanmalaysia/>



<https://www.instagram.com/kementeriankesihatanmalaysia/>



<https://twitter.com/KKMPutrajaya>



MESYUARAT PEMANDU EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) IPKKM



Pada 3 April 2024, YBhg. Dato' Zainal Alhakab bin Seman, Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan (TKSUP) telah mempengerusikan Mesyuarat PEMANDU Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia (IPKKM).

Mesyuarat PEMANDU EKSA telah dihadiri oleh semua ketua zon atau wakil ketua zon. Dalam mesyuarat PEMANDU EKSA, tiga jawatankuasa induk iaitu Jawatankuasa Latihan, Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Promosi telah membentangkan aktiviti-aktiviti EKSA yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2023 dan 2024.





LAWATAN PENANDA ARAS KE JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA, PUTRAJAYA

Lawatan Penanda Aras ke Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Putrajaya anjuran Bahagian Pengurusan Latihan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah diadakan pada 1 Mac 2024 (Jumaat). Lawatan tersebut dihadiri oleh wakil-wakil daripada semua zon di Ibu Pejabat KKM. Zon Perolehan telah menghantar wakil iaitu Encik Chia Zi Sheng selaku Ketua Jawatankuasa Promosi untuk menghadiri lawatan tersebut.

Hasil daripada lawatan tersebut Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah kongsi beberapa tips iaitu:

- (i) Papan tanda sudut EKSA boleh diletakkan Kod QR supaya dokumen berkaitan boleh disimpan untuk rujukan serta perlu ada tarikh kemaskini info EKSA;
- (ii) Tong kitar semula dengan label yang jelas diletakkan di dalam kawasan pejabat; dan
- (iii) Tempat kerja perlu sentiasa kemas dan rapi. Tiada definisi khusus tentang kemas dan rapi, yang penting kena praktikal.





Lawatan Penanda Aras EKSA Zon Perolehan ke Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari KKM

Lawatan Penanda Aras EKSA Zon Perolehan telah diadakan pada 10 Mei 2024 di Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, Kementerian Kesihatan Malaysia di Kuala Lumpur. Lawatan ini bukan sahaja dihadiri oleh pegawai-pegawai daripada Bahagian Perolehan dan Penswastaan (BPPs) tetapi juga dihadiri oleh pegawai-pegawai daripada Bahagian Pembangunan Kompetensi dan Bahagian Khidmat Pengurusan.

Lawatan Penanda Aras EKSA Zon Perolehan ke Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari diadakan bertujuan untuk memantapkan pelaksanaan EKSA di Zon Perolehan serta memupuk perkongsian maklumat dan amalan terbaik EKSA untuk dilaksanakan di Zon Perolehan. Bahagian tersebut

dipilih sebagai tempat lawatan berdasarkan markah semasa pengauditan tertinggi yang diperoleh oleh Bahagian tersebut pada tahun 2023.

Seramai tujuh (7) orang pegawai terdiri daripada Jawatankuasa Zon Perolehan yang terlibat dengan Lawatan Penanda Aras EKSA pada kali ini. Hasil daripada lawatan tersebut pelbagai maklumat EKSA yang dapat dikongsikan antaranya seperti penambahbaikan perlu dilaksanakan daripada teguran audit dari semasa ke semasa, penyeragaman yang berterusan dan kata-kata positif berkaitan EKSA diterapkan kepada semua warga Bahagian agar semua anggota bersemangat untuk melaksanakan EKSA di tempat masing-masing.





KURSUS PEMANTAPAN EKSA BAHAGIAN PEROLEHAN DAN PENSWASTAAN (BPPs)

Kursus Pemantapan EKSA Zon Perolehan telah diadakan pada 13 Mei 2024 bertempat di Bilik Mesyuarat Seri Songket, Aras 7, BPPs. Kursus Pemantapan EKSA BPPs ini telah dihadiri oleh 23 orang Jawatankuasa EKSA. Penceramah jemputan yang diundang untuk menyampaikan ceramah berkaitan kursus ini adalah Puan Aainaa Balqis binti Mohamad Rizal Haddi dari Unit Inovasi dan Kualiti, Bahagian Khidmat Pengurusan selaku *Champion* EKSA Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Kursus Pemantapan EKSA BPPs diadakan bertujuan untuk memberikan pendedahan dan latihan kepada pegawai serta kakitangan BPPs khususnya Jawatankuasa EKSA Zon Perolehan serta menambah baik pelaksanaan EKSA di Zon Perolehan.

Isi kandungan Kursus Pemantapan EKSA BPPs yang disampaikan oleh Puan Aainaa Balqis binti Mohamad Rizal Haddi antaranya adalah seperti berikut:

1. Objektif EKSA & EKSA sendiri;
2. Imbasan amalan 5S;
3. Perbezaan amalan 5S & EKSA;
4. Elemen baharu EKSA;
5. Jawatankuasa pemandu & sekretariat induk EKSA KKM;
6. Status pensijilan EKSA sendiri dan hala tuju EKSA di KKM;
7. Komponen utama EKSA & EKSA sendiri;
8. Komponen penilaian auditan EKSA; dan
9. Pengauditan EKSA.

Semua Jawatankuasa EKSA Zon Perolehan yang telah menghadiri Kursus Pemantapan EKSA BPPs ini diberikan sijil penyertaan sebagai penghargaan ke atas penglibatan dalam kursus ini.



Pengumuman

Kuiz EKSA

Zon Perolehan Bil. 1/2024

3 MEI 2024

WAKTU MENJAWAB: 10.00 -11.00 PAGI

Link akan diberikan pada Jam 10.00 Pagi
Peserta terpanas/betul akan di berikan penghargaan

JUARA

KUIZ EKSA ZON PEROLEHAN BIL. I 2024

Kuiz EKSA Zon Perolehan dijadual untuk diadakan sebanyak 4 kali setahun bagi mengenal pasti sejauh mana pengetahuan warga Bahagian Perolehan dan Penswastan (BPPs) berkaitan EKSA. Hasil daripada keputusan kuiz tersebut, Jawatankuasa Latihan dapat mengenal pasti perkara-perkara yang perlu diberi pendedahan melalui latihan kepada warga BPPs.

Kuiz EKSA Zon Perolehan menggunakan kaedah Kahoot sebagai interaktif *online* yang sangat menarik dan mampu memberikan satu ransangan positif kepada warga BPPs. Hanya seorang pemenang kuiz akan dipilih berdasarkan markah akhir yang dijana daripada laporan kahoot. Pemenang akan menerima trofi kemenangan dan sijil penyertaan sebagai semangat kepada warga BPPs yang lain.

Bagi Kuiz EKSA Zon Perolehan Bil.1 2024 yang diadakan, didapati seramai 49 orang anggota yang terlibat dengan kuiz ini. Seramai 18 orang anggota daripada 49 orang anggota tidak dapat menyelesaikan kuiz tersebut. Lima (5) soalan asas yang diberikan melalui Kuiz EKSA Zon Perolehan Bil.1 2024 yang

mana didapati keputusan pemahaman berkaitan EKSA adalah seperti berikut:

Bil.	Soalan	Jawapan Betul (%)
1.	Apakah yang dimaksudkan dengan singkatan EKSA.	83
2.	EKSA telah diperkenalkan sebagai inisiatif penjenamaan semula Amalan 5S Sektor Awam mulai	48
3.	Melambangkan warna berprestij yang sentiasa bertenaga, yakin, segar, semangat dan berkarisma.	38
4.	Aspek amalan hijau ditekankan di tempat kerja. Contoh amalan ialah	26
5.	Laci meja 3 tingkat disusun dan dilabelkan laci paling atas, laci tengah dan laci bawah seperti:	36

Daripada hasil pemarkahan tersebut didapati pemahaman berkaitan aspek amalan hijau perlu dipertingkatkan melalui kaedah latihan, promosi dan pelaksanaannya kepada semua warga BPPs.



LAWATAN PENANDA ARAS AMALAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) IPKKM KE IBU PEJABAT AIR ASIA KLIA 2

Pada 26 Jun 2024, satu lawatan penanda aras Amalan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Peringkat Ibu Pejabat KKM telah diadakan di Ibu Pejabat Air Asia, KLIA 2. Lawatan penanda aras EKSA ini dianjurkan oleh Bahagian Pengurusan Latihan bertujuan mempelajari amalan baik EKSA yang dipraktikkan di Ibu Pejabat Air Asia.

Lawatan tersebut telah dihadiri seramai 26 orang peserta daripada Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia yang terdiri daripada pelbagai zon.

Setibanya di Ibu Pejabat Air Asia, para peserta lawatan telah diberikan taklimat berkaitan pengoperasian Air Asia dan seterusnya dibawa melihat kemudahan-kemudahan yang terdapat di situ.

Antara amalan baik yang dipraktikkan di Ibu Pejabat Air Asia adalah penggunaan sistem secara digital dan penggunaan kertas yang minimum.







KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PERHATIAN WARGA IPKKM

Audit EKSA IPKKM Bil.1/2024:

13-24 Mei 2024

Laporan penambahbaikan Zon
perlu dikemukakan kepada JK Induk Audit EKSA KKM
selewat-lewatnya pada

14 Jun 2024



Alamak!
EKSA lagi?



JAWATANKUASA PROMOSI INDUK
EKSA IPKKM







KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

JOM AMALKAN EKSA

KITAR SEMULA

KOTAK & KERTAS

- Asingkan kertas daripada sisa buangan lain untuk dikitar semula.
- Cetak menggunakan bahagian depan dan belakang kertas. Elakkan mencetak jika perlu.



JAWATANKUASA PROMOSI INDUK
EKSA IPPKM



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

JOM AMALKAN EKSA


KURANGKAN

PENGGUNAAN ELEKTRIK

- Padamkan lampu di pejabat pada waktu rehat dan tengah hari serta selepas waktu bekerja.
- Matikan komputer atau laptop jika tidak digunakan.
- Tutup suis jika tidak digunakan.



JAWATANKUASA PROMOSI INDUK
EKSA IPKKM



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA